

Kesedaran bahaya vape masih rendah

Jempol: Kajian Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapati kesedaran bahaya vape dan kepentingan pemeriksaan saringan kanser payudara dalam kalangan penduduk daerah ini, masih tidak memuaskan.

Keputusan kajian itu didedahkan Pengarah Program Kesihatan Komuniti Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), UPM, Abd Rahim Awaluddin, yang melakukan soal selidik membabitkan 322 orang responden.

"Bagi isu vape, 90 peratus daripada 168 responden didapati tidak memahami bahaya menghisap rokok elektronik itu, malah ramai beranggapan kegiatan berkenaan tidak berbahaya berbanding menghisap rokok biasa.

"Selain itu, kita juga mendapati lebih 56.5 peratus responden wanita tidak membuat pemeriksaan payudara bagi mengeсан tanda kanser, manakala hanya 22.1 peratus menjalani pemeriksaan di klinik," katanya pada program Hari Intervensi Kesihatan UPM di Dewan Orang Ramai FELDA Pasoh Tiga, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Lui, Mohd Razi Mohd Ali dan serta Ketua Jabatan Kesihatan Komuniti FPSK UPM, Prof Madya Dr Muhamad Hanafiah Juni.

Abd Rahim berkata, kajian pihaknya mendapati kebanyakan wanita terbabit tidak membuat pemeriksaan saringan kanser payudara kerana kurang mendapat pendedahan mengenai penyakit itu.